

# TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

## TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
24.02.25 (Isnin) 11.00 pagi	EITA Resources Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM394.72 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM316.87 juta). Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan pendapatan sebanyak 30% hingga 40% dalam segmen pembuatan, perkhidmatan dan sistem voltan tinggi.</p> <p>Walaupun pendapatan meningkat, keuntungan sebelum cukai menyusut kepada RM10.49 juta (tahun kewangan 2023: RM13.14 juta), terutamanya disebabkan oleh kenaikan kos projek dan kerugian nilai saksama ke atas derivatif.</p>
25.02.25 (Selasa) 10.00 pagi	Aemulus Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 63% tahun ke tahun kepada RM40.9 juta (tahun kewangan 2023: RM25.1 juta). Peningkatan ini membawa kepada pengurangan dalam kerugian bersih kepada RM22 juta dalam tahun kewangan 2024 berbanding kerugian sebanyak RM54 juta dalam tahun kewangan 2023.</p> <p>Prospek jangka panjang dalam bidang ini seperti Kecerdasan Buatan (AI), Automasi Industri, pelaksanaan 5G/ 6G, pemanduan secara autonomi, serta inovasi semikonduktor lain kekal tidak berubah. Namun, permintaan yang dijangka meningkat dalam industri semikonduktor pada tahun 2024 tidak berlaku seperti yang diharapkan dan Syarikat menjangkakan pemulihan berlaku pada tahun 2025.</p>
25.02.25 (Selasa) 10.00 pagi	JCY International Berhad (AGM)	<p>Pendapatan JCY meningkat 28% kepada RM606.7 juta (tahun kewangan 2023: RM475.4 juta) susulan pemulihan pasaran pemacu cakera keras (<i>Hard Disk</i>)</p>

		<p><i>Drive</i>, HDD) secara beransur-ansur pada tahun kewangan 2024, dengan jumlah penghantaran produk meningkat sebanyak 37% berbanding dengan tahun kewangan 2023.</p> <p>Kumpulan kembali mencatatkan keuntungan dalam tahun kewangan 2024 dengan keuntungan bersih sebanyak RM28.8 juta, berbanding dengan kerugian bersih RM90.3 juta pada tahun kewangan 2023.</p>
25.02.25 (Selasa) 10.00 pagi	Bintai Kinden Corporation Berhad (EGM)	<p>Syarikat sedang melaksanakan pelan penyusunan semula yang merangkumi Cadangan Pempelbagaian, Cadangan Pengurangan Modal Saham, Cadangan Penempatan, Cadangan Pemberian Opsyen dan Cadangan Skim Opsyen Saham Pekerja (<i>Employees Share Option Scheme</i>, ESOS) bagi mengembalikan perniagaan ke tahap wajar serta mengukuhkan kedudukan kewangan Kumpulan.</p> <p>Selepas mencatatkan keuntungan bersih selama dua suku tahun berturut-turut, Syarikat akan membuat permohonan kepada Bursa Securities untuk menarik balik status PN17.</p>
25.02.25 (Selasa) 10.00 pagi	Melati Ehsan Holdings Berhad (AGM)	<p>MELATI mencatatkan pendapatan terendah sejak disenaraikan pada 2007. Pendapatan dan keuntungan bersih untuk tahun kewangan 2024 masing-masing berjumlah RM36.3 juta dan RM8.2 juta, mencerminkan penurunan sebanyak 65% dan 51% berbanding tahun kewangan sebelum ini.</p> <p>Penurunan pendapatan ini berpunca daripada sumbangan yang lebih rendah daripada segmen pembinaan, di samping projek pembangunan yang masih berada di peringkat awal.</p> <p>Jika dikecualikan keuntungan nilai saksama ke atas penghutang lain sebanyak RM9.8 juta dan pembalikan kerugian rosot nilai bersih sebanyak RM3.3 juta, Kumpulan sepatutnya mencatatkan kerugian.</p>
26.02.25 (Rabu) 11.00 pagi	CEKD Berhad (AGM)	<p>Pendapatan CEKD meningkat 11.4% kepada RM36.25 juta dalam tahun kewangan 2024, terutamanya didorong oleh lonjakan sebanyak 78% dalam jualan eksport. Peningkatan ini hasil daripada usaha yang berterusan untuk mendekati pelanggan antarabangsa baharu dan yang sedia ada. Jualan eksport yang lebih tinggi turut menyumbang secara positif kepada keuntungan Kumpulan disebabkan</p>

		<p>oleh harga jualan yang lebih baik di pasaran luar negara. Hal ini menyebabkan margin keuntungan kasar meningkat kepada 51.0% berbanding dengan 47.2% setahun yang lalu.</p>
<p>26.02.25 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Hextar Capital Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM117.65 juta pada tahun kewangan 2024, yang menyaksikan segmen penyelesaian infrastruktur rangkaian telekomunikasi menyumbang 50.61% daripada jumlah keseluruhan.</p> <p>Meskipun Syarikat telah membuat pemerolehan dan pelaburan yang agresif sejak dua tahun kewangan lalu, Syarikat tetap mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM3.62 juta selepas mengalami beberapa tempoh keuntungan kecil dari tahun kewangan 2021 hingga tempoh kewangan berakhir 2023.</p> <p>Sehingga 30 September 2024, Kumpulan beroperasi dalam tujuh segmen perniagaan.</p>
<p>26.02.25 (Rabu) 02.00 petang</p>	<p>Mtouche Technology Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan melaporkan pendapatan sebanyak RM15.18 juta dalam tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM14.45 juta). Peningkatan marginal ini didorong oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada perkhidmatan kandungan melalui mesej serta jualan produk teknologi maklumat.</p> <p>Kerugian sebelum cukai berkurangan daripada RM62.58 juta pada tahun kewangan 2023 kepada RM15.01 juta pada tahun kewangan 2024. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan kerugian rosot nilai ke atas aset tidak ketara serta perbelanjaan pelunasan yang lebih rendah dalam tahun kewangan 2024.</p>
<p>27.02.25 (Khamis) 09.30 pagi</p>	<p>Pestech International Berhad (EGM)</p>	<p>Syarikat bercadang mendapatkan mandat pemegang saham untuk urus niaga pihak berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan.</p> <p>Selain itu, Syarikat juga bercadang menukar namanya daripada "PESTECH International Berhad" kepada "PESTEC International Berhad".</p>
<p>27.02.25 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Computer Forms (Malaysia) Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan CFM pada tahun kewangan 2024 menurun 1% secara tahunan, sebahagian besarnya berpunca daripada permintaan yang lebih rendah untuk borang perniagaan, perkhidmatan percetakan data, serta pembungkusan fleksibel. Kumpulan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM5 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan kerugian selepas cukai sebanyak RM8.1 juta dalam</p>

		tahun kewangan 2023. Kerugian selepas cukai yang lebih rendah ini berpunca daripada perbelanjaan lain yang lebih rendah, susulan ketiadaan kerugian kredit yang dijangka serta kerugian daripada pelaburan dalam saham disebut harga yang diiktiraf pada tahun kewangan 2023.
27.02.25 (Khamis) 10.00 pagi	MMAG Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan meraih pendapatan sebanyak RM824.37 juta dalam tempoh 18 bulan, dari 1 April 2023 hingga 30 September 2024 (tempoh kewangan berakhir 2024), hampir sekali ganda daripada RM422.10 juta pada tahun sebelumnya (tahun kewangan 2023). Secara tahunan, pendapatan untuk tempoh kewangan berakhir 2024 berjumlah RM549.58 juta, meningkat RM127.48 juta atau 30.20%.</p> <p>Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh segmen Mudah Alih &amp; Pemenuhan serta Pengangkutan Udara, yang masing-masing menjana RM238.61 juta dan RM220.09 juta. Jumlah ini mewakili peningkatan sebanyak RM42.92 juta (21.93%) dan RM71.04 juta (47.66%) berbanding tahun sebelumnya (tahun kewangan 2023).</p>
27.02.25 (Khamis) 11.00 pagi	Hubline Berhad (AGM)	<p>Hubline mencatatkan pendapatan berjumlah RM208.58 juta dan keuntungan bersih sebanyak RM3.585 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: masing-masing berjumlah RM234.05 juta dan RM6.07 juta). Penurunan ini berpunca daripada pendapatan perkapalan yang lebih rendah akibat penurunan kadar tambang.</p> <p>MSWG sebaliknya menyuarakan kebimbangan terhadap imbuhan yang tinggi yang diberikan kepada pengarah eksekutif dan pengurusan kanan utama (<i>key senior management</i>, KSM). Jumlah keseluruhan imbuhan mereka ialah RM7.7 juta, sedangkan keuntungan bersih syarikat hanya berjumlah RM3.585 juta sepanjang tahun tersebut.</p>
27.02.25 (Khamis) 03.00 petang	Permaju Industries Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut daripada RM47.8 juta dalam tahun kewangan 2023 kepada RM47.3 juta dalam tempoh kewangan berakhir 2024. Pendapatan utama untuk bahagian automotif diperoleh daripada pengedaran kenderaan Ford, dengan 220 unit Ford Ranger terjual, meningkat sedikit daripada 214 unit yang terjual pada tahun sebelumnya. Namun, jualan terjejas akibat kenaikan harga diesel dan perbelanjaan pengguna yang lebih rendah disebabkan oleh faktor global.</p>

		<p>Penurunan dalam jualan daripada bahagian automotif sebahagian besarnya disebabkan oleh jualan kereta mewah yang merosot. Bagaimanapun, penyewaan kenderaan elektrik (EV) memberikan sumbangan positif dengan pendapatan berjumlah RM4.73 juta, yang merangkumi 10% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Jumlah ini mewakili lonjakan sebanyak 352% berbanding RM3.69 juta dalam tahun kewangan 2023.</p>
<p>28.02.25 (Jumaat) 09.00 pagi</p>	<p>Kanger International Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2024, Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM36.79 juta. Segmen pembinaan, pengurusan projek dan perdagangan bahan binaan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan serta menyumbang sepenuhnya kepada pendapatan Kumpulan.</p> <p>Bagaimanapun, Kumpulan merekodkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM15.8 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan tidak berulang berjumlah RM15.5 juta. Perbelanjaan ini termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerugian daripada pelupusan kenderaan sebanyak RM1.1 juta</li> <li>• Rosot nilai ke atas penghutang perdagangan (RM2.9 juta), penghutang lain (RM300,000) dan pelaburan lain (RM5 juta)</li> <li>• Hartanah pelaburan dihapus kira berjumlah RM4.8 juta</li> </ul> <p>Nota: Tiada angka perbandingan langsung dengan tempoh yang sama untuk tahun sebelumnya, disebabkan oleh perubahan tahun kewangan Kumpulan dari Mac kepada September pada tahun kewangan berakhir 2023.</p>
<p>28.02.25 (Jumaat) 09.00 pagi</p>	<p>Revenue Group Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM387.42 juta pada tahun kewangan 2024 berbanding dengan RM531.93 juta dalam tempoh 15 bulan berakhir 30 September 2023 (tempoh kewangan 2023). Walaupun mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM10.28 juta dalam tahun kewangan 2024, ia jauh lebih rendah berbanding dengan kerugian bersih sebanyak RM89.31 juta dalam tempoh kewangan 2023. Penurunan dalam kerugian ini didorong oleh margin keuntungan kasar yang lebih baik serta langkah rasionalisasi dan</p>

		kawalan kos yang berjaya mengurangkan perbelanjaan operasi dan pentadbiran.
28.02.25 (Jumaat) 10.30 pagi	Revenue Group Berhad (EGM)	Kumpulan Revenue bercadang untuk menjual 717,570 saham biasa dalam Innov8tif Holdings Sdn Bhd ("Innov8tif Holdings"), yang mewakili pegangan ekuitinya sebanyak 51%, kepada Datasonic Group Berhad ("Datasonic" atau "Pembeli") dengan balasan tunai sebanyak RM40.00 juta.
28.02.25 (Jumaat) 09.30 pagi	GIIB Holdings Berhad (EGM)	GIIB berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan Pindaan kepada Perlembagaan Syarikat bagi memberikan fleksibiliti kepada Lembaga Pengarah untuk menentukan jumlah saham atau opsiyen yang akan diterbitkan atau diberikan kepada pengarah Syarikat mengikut Skim Pemberian Saham (<i>Share Issuance Scheme, SIS</i>) yang dicadangkan.</li> <li>• Cadangan Pengurangan Modal sebanyak RM127 juta daripada modal saham terbitan GIIB.</li> <li>• Cadangan mewujudkan Skim Pemberian Saham sehingga 15% daripada jumlah saham terbitan.</li> <li>• Cadangan Pemberian opsiyen Skim Pemberian Saham kepada tujuh pengarah syarikat, termasuk pengerusi bukan eksekutif bebas dan tiga pengarah bukan eksekutif bebas.</li> </ul>
28.02.25 (Jumaat) 10.00 pagi	AuMAS Resources Berhad (AGM)	AuMAS mencatatkan prestasi kewangan yang kukuh dengan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM169.82 juta serta keuntungan yang memecahkan rekod sebanyak RM32.52 juta dalam tahun kewangan 2024. Keuntungan ini sebahagian besarnya didorong oleh kenaikan harga emas.
28.02.25 (Jumaat) 10.00 pagi	XOX Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM250.93 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan RM273.65 juta pada tahun kewangan 2025, terutamanya disebabkan oleh penurunan purata pendapatan setiap pengguna ( <i>average revenue per user, ARPU</i> ) serta kenaikan kos produk dan perkhidmatan.  Bagaimanapun, kerugian sebelum cukai Kumpulan berjaya dikurangkan kepada RM14.34 juta dalam tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM67.43 juta). Peningkatan ini disokong oleh

		keuntungan tidak berulang daripada penjualan anak syarikat, walaupun masih tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan kerugian operasi, kerugian daripada pelaburan serta rosot nilai ke atas muhibah.
28.02.25 (Jumaat) 10.00 pagi	UMS Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM76.67 juta dalam tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM70.88 juta), didorong oleh keadaan pasaran secara keseluruhan.</p> <p>Sementara itu, keuntungan sebelum cukai meningkat kepada RM9.88 juta, naik RM4.32 juta atau 77.83% daripada RM5.56 juta. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan daripada pelupusan sebuah syarikat bersekutu berjumlah RM3.67 juta.</p>
28.02.25 (Jumaat) 12.00 tengah hari	Kuala Lumpur Kepong Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM22.27 bilion dalam tahun kewangan 2024, sedikit menurun daripada RM23.65 bilion dalam tahun kewangan 2023. Keuntungan sebelum cukai meningkat sedikit kepada RM1.18 bilion (tahun kewangan 2023: RM1.15 bilion), hasil daripada prestasi yang kukuh dalam sektor hulu. Bagaimanapun, keuntungan bersih Kumpulan kepada pemegang saham merosot kepada RM591.0 juta, daripada RM843.3 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Penurunan ini berpunca daripada kerugian luar biasa sebanyak RM366.5 juta, termasuk rosot nilai dan kerugian ekuiti dalam Synthomer plc serta penurunan nilai inventori oleh KLK Hardwood Flooring Sdn Bhd. Jika dikecualikan kerugian ini, keuntungan bersih Kumpulan sepatutnya mencecah RM957.5 juta. Kumpulan membayar dividen sebanyak 110.5% (tahun kewangan 2023: 77.5%), kadar tertinggi sejak tahun 2020.</p>
28.02.25 (Jumaat) 02.15 petang	Batu Kawan Berhad (AGM)	<p>Prestasi Kumpulan, termasuk prestasi anak syarikat utamanya iaitu Kuala Lumpur Kepong Berhad ("KLK"), mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.24 bilion berbanding dengan RM1.28 bilion setahun yang lalu.</p> <p>Pendapatan Kumpulan menurun kepada RM23.06 bilion (tahun kewangan 2023: RM24.65 bilion). Keuntungan sebelum cukai tahun ini termasuk kerugian bukan tunai luar biasa serta penurunan nilai inventori berjumlah RM366.51 juta yang diiktiraf</p>

		oleh KLK. Jika kerugian ini dikecualikan, keuntungan sebelum cukai kumpulan akan menjadi 29% lebih tinggi. Kadar pembayaran dividen Kumpulan adalah sebanyak 78.9% daripada perolehan (tahun kewangan 2023: 48.1%), kadar tertinggi sejak tahun 2020.
28.02.25 (Jumaat) 02.00 petang	AirAsia X Berhad (EGM)	Syarikat berhasrat untuk mendapatkan mandat pemegang saham bagi urus niaga pihak berkaitan yang melibatkan pendapatan atau aktiviti perdagangan.
28.02.25 (Jumaat) 03.00 petang	KPJ Healthcare Berhad (EGM)	<p>Syarikat bercadang untuk memperkenalkan pelan insentif jangka panjang (<i>long term incentive plan</i>, LTIP) sehingga 3.5% daripada jumlah saham terbitan Syarikat kepada individu yang layak dalam Kumpulan, melalui pemindahan saham yang dipegang dalam perbendaharaan. Sehingga tarikh boleh laksana terkini (<i>last practicable date</i>, LPD), Syarikat memiliki 4,526,608,066 saham, termasuk 162,306,700 saham yang dipegang dalam perbendaharaan.</p> <p>Di bawah syarat-syarat LTIP, Pengarah Eksekutif syarikat, Chin Keat Chyuan, layak menyertai pelan ini.</p> <p>Pada tarikh boleh laksana terkini, syarat-syarat peletakan hak untuk Cadangan Pengagihan LTIP masih belum dimuktamadkan oleh Lembaga Pengarah. Tertakluk pada budi bicara Jawatankuasa LTIP, pemberian LTIP dijangka akan dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2025.</p>
28.02.25 (Jumaat) 03.00 petang	Seal Incorporated Berhad (EGM)	<p>SEAL berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan Pemerolehan 732,464 saham biasa dalam MSR Green Energy Sdn Bhd ("MSRGE") daripada Ong Kah Hui dan Qiang, Xiaoyu, mewakili kepentingan ekuiti sebanyak 10.00% dalam MSRGE dengan pertimbangan pembelian sebanyak RM21.00 juta.</li> <li>• Cadangan Pempelbagaian Aktiviti Perniagaan SEAL dan anak syarikatnya, iaitu dengan memasukkan pelaburan dalam tenaga boleh dibaharui dan aktiviti berkaitan. Lembaga Pengarah menjangkakan sumbangan kumpulan MSRGE kepada keuntungan bersih Syarikat akan melebihi 25% selepas selesai Cadangan Pemerolehan tersebut.</li> </ul>



		Sebagai perlindungan terhadap risiko, penjual telah menjamin bahawa MSRGE akan mencapai Jaminan Keuntungan Agregat berjumlah sekurang-kurangnya RM21 juta untuk tahun kewangan 2024 dan tahun kewangan 2025.
--	--	--

## PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
EITA Resources Berhad (AGM)	<p>“Penurunan dalam keuntungan sebahagian besarnya berpunca daripada peningkatan kos projek dalam segmen Sistem Voltan Tinggi.” (Halaman 16, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Pada tahun kewangan berakhir 2023, segmen Sistem Voltan Tinggi ini turut mencatatkan kerugian berjumlah RM7.68 juta, disebabkan oleh, antara lain, kos projek yang tinggi.</p> <p>a) Apakah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kos projek?</p> <p>b) Adakah terdapat peluang untuk merundingkan semula terma dan syarat projek ini? Jika ya atau tidak, apakah sebabnya?</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil bagi mengurangkan risiko kos berlebihan dalam projek yang akan datang?</p>
Aemulus Holdings Berhad (AGM)	<p>Peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka ke atas penghutang perdagangan yang dihapus kira meningkat dengan ketara kepada RM5.63 juta (tahun kewangan berakhir 2023: RM0.39 juta). (Nota 10, Halaman 118, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam penghutang perdagangan yang dihapus kira? Apakah yang terangkum dalam penghutang perdagangan yang dihapus kira? Apakah usaha yang dilakukan untuk mendapatkan semula jumlah RM5.63 juta itu sebelum ia dihapus kira?</p> <p>b) Penghutang perdagangan Kumpulan yang telah lampau tempoh melebihi 365 hari tetapi tidak dirosot nilai berjumlah RM21.81 juta (tahun kewangan berakhir 2023: RM9.26 juta). (Nota 33.31, halaman 141, Laporan Tahunan 2024). Berapakah daripada penghutang perdagangan ini telah berjaya dikutip sehingga kini?</p>
JCY International Berhad (AGM)	<p>Peningkatan berterusan dalam penyelesaian storan berkapasiti tinggi untuk pusat data dijangka menyokong pemulihan yang sederhana dalam pasaran Pemacu Cakera Keras (<i>Hard Disk Drive</i>, HDD). Kadar penggunaan kilang Kumpulan meningkat dengan ketara kepada 52% tahun ini berbanding 35% pada tahun sebelumnya. (Halaman 7, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Memandangkan terdapat sekatan baharu dari Amerika Syarikat ke atas cip berkaitan kecerdasan buatan (AI), yang boleh memperlambatkan perkembangan pusat data, apakah pandangan Lembaga Pengarah terhadap kesan</p>

	<p>perkembangan ini kepada permintaan bagi produk HDD Kumpulan?</p> <p>b) Adakah Kumpulan menjangkakan kadar penggunaan kilang yang lebih tinggi dalam tahun kewangan berakhir 2025?</p>
<p>Bintai Kinden Corporation Berhad (EGM)</p>	<p>1. <i>“Selepas mencatatkan keuntungan bersih selama dua suku tahunan berturut-turut, BKCB akan menghantarkan permohonan kepada Bursa Securities supaya dikeluarkan daripada status PN17.”</i> (Halaman 40, Pekeliling)</p> <p><i>“Di bawah kesan pro forma pelan penyusunan semula, kerugian terkumpul meningkat daripada RM2.50 juta kepada RM8.47 juta selepas pemberian opsyen kepada Datuk Tay dan pelaksanaan penuh opsyen ini.”</i> (Halaman 87, Pekeliling)</p> <p><i>“Datuk Tay berhak untuk melaksanakan opsyen langganan dalam tempoh tiga tahun bermula dari tarikh penyelesaian (tarikh penyelesaian Cadangan Penempatan atau tarikh penyelesaian Cadangan Pengurangan Modal Saham, mana-mana yang lebih lewat).”</i> (Halaman 21, Pekeliling)</p> <p>a) Apakah langkah keselamatan yang disediakan bagi memastikan pemberian opsyen, yang dijangka akan dicaj kepada akaun untung rugi, tidak menjejaskan usaha BKCB untuk dikeluarkan daripada status PN17?</p> <p>b) Secara teori, berapakah nilai saksama yang diletakkan pada opsyen yang akan diberikan kepada Datuk Tay? Apakah parameter utama yang digunakan untuk menentukan nilai tersebut?</p> <p>2. Bagaimanakah Syarikat mengekang kesan pencairan daripada Cadangan Penempatan, Cadangan Pemberian Opsyen dan Cadangan Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) ini bagi melindungi kepentingan pemegang saham sedia ada?</p>
<p>Melati Ehsan Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Logo Kumpulan, “ME GROUP Be with ME,” dipaparkan dengan jelas di galeri jualan dan risalah jualan Bayu 2Sixty, yang boleh menimbulkan tanggapan salah bahawa projek ini dibangunkan oleh Kumpulan, sedangkan ia sebenarnya diusahakan oleh Bayu Prospektif Sdn Bhd, sebuah syarikat berkaitan yang berada di luar Kumpulan.</p> <p>Selain itu, projek pembangunan bercampur TNB di Bangsar masih disenaraikan di laman sesawang Kumpulan, walaupun pihak pengurusan telah menjelaskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) sebelum ini bahawa ia adalah pelaburan peribadi keluarga Pengerusi Eksekutif Syarikat, Tan Sri Dato’ Yap Suan Chee, dan bukan sebahagian daripada Kumpulan. Malah, laman sesawang itu juga mengandungi maklumat tidak tepat yang menyatakan</p>

	<p>bahawa rakan kongsi TNB, Bayu Mantap Sdn Bhd, adalah anak syarikat Kumpulan.</p> <p>(Sumber: <a href="https://melatiehsan.com.my/projects/tnb-mixed-development-bangsar/">https://melatiehsan.com.my/projects/tnb-mixed-development-bangsar/</a>)</p> <p>a) Siapakah pemilik logo “ME GROUP Be with ME”? Bolehkah Lembaga Pengarah jelaskan mengapa Kumpulan berkongsi tanda dagangan ini dengan pihak berkaitan? Apakah pendirian Lembaga terhadap potensi salah tanggapan ini?</p> <p>b) Mengapa projek pembangunan bercampur TNB di Bangsar masih disenaraikan di laman sesawang Kumpulan walaupun Kumpulan tidak terlibat dalam projek itu? Adakah Lembaga Pengarah akan mengambil tindakan pembetulan untuk meminda atau menyisihkan maklumat yang mengelirukan bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pihak berkepentingan?</p>
<p>CEKD Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan CEKD meningkat 11.4% kepada RM36.25 juta dalam tahun kewangan 2024, sebahagian besarnya didorong oleh lonjakan sebanyak 78% dalam jualan eksport. Pertumbuhan pendapatan luar negara ini adalah hasil daripada usaha berterusan Kumpulan untuk menarik pelanggan antarabangsa baharu dan yang sedia ada. (Halaman 15, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah pasaran eksport yang menyumbang paling banyak kepada pertumbuhan ini?</p> <p>b) Apakah langkah khusus yang diambil bagi mengukuhkan hubungan dengan pelanggan antarabangsa yang baharu dan sedia ada?</p> <p>c) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mengekalkan kadar pertumbuhan jualan eksport ini pada masa hadapan?</p>
<p>Hextar Capital Berhad (AGM)</p>	<p>Syarikat telah menyelesaikan pemerolehan 49% kepentingan dalam Transgrid Ventures Sdn Bhd (Transgrid) dengan harga belian sehingga RM98.00 juta pada 10 Januari 2024.</p> <p>Syarikat juga telah menyelesaikan pembelian 6.75% kepentingan dalam Binamat Communications Bhd (Binacom), meningkatkan pegangannya dalam Binacom kepada 24.78% pada 12 Januari 2024, dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM53.88 juta.</p> <p>Setakat ini, sumbangan Transgrid dan Binacom kepada prestasi keseluruhan Kumpulan masih di bawah jangkaan.</p> <p>a) Bilakah pemerolehan ini dijangka memberikan pulangan yang ketara?</p> <p>b) Apakah strategi khusus yang dirancang bagi meningkatkan keuntungan kedua-dua syarikat ini?</p>

Mtouche Technology Berhad (AGM)	<p>Syarikat telah mengambil pinjaman berjangka sebanyak RM10.00 juta pada tahun kewangan berakhir 2024.</p> <p>Setakat 30 September 2024, Syarikat mempunyai deposit tetap berjumlah RM17.23 juta serta tunai dan kesetaraan tunai sebanyak RM33.01 juta. Bagaimanapun, pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2024 hanya berjumlah RM15.18 juta.</p> <p>Selain itu, pada Mei 2024, Syarikat membuat keputusan untuk menghentikan sementara kerja-kerja pengubahsuaian pusat kesihatan yang terletak di Troika KLCC.</p> <p>Memandangkan Syarikat mempunyai rizab tunai dan deposit tetap yang mencukupi, apakah alasan/ sebab di sebalik pengambilan pinjaman berjangka ini?</p>
Computer Forms (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan 2024 menyusut sebanyak 1% secara tahunan. Penurunan kecil ini disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah untuk borang perniagaan, perkhidmatan cetakan data, serta pembungkusan fleksibel. (Halaman 5, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah strategi yang sedang dilaksanakan bagi memulihkan kemerosotan dalam segmen ini?</p> <p>b) Apakah jangkaan permintaan untuk perkhidmatan cetakan data dan borang perniagaan serta segmen pembungkusan fleksibel dalam tempoh beberapa tahun akan datang?</p>
MMAG Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan kerugian bersih berjumlah RM105.1 juta dan menjana aliran tunai operasi negatif sebanyak RM38.37 juta dalam tempoh kewangan dari 1 April 2023 sehingga 30 September 2024. Keadaan ini menimbulkan ketidakpastian yang ketara terhadap keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasi sebagai sebuah entiti yang berdaya maju. Pihak Pengarah berpendapat bahawa kelangsungan operasi Kumpulan bergantung pada kejayaan berterusan dalam segmen perkhidmatan mudah alih dan pemenuhan pesanan, kurier dan logistik serta perkhidmatan kargo udara, selaras dengan jangkaan pihak pengurusan. Jika usaha ini tidak membuahkan hasil, Kumpulan mungkin tidak dapat merealisasikan asetnya atau melangsaikan liabiliti seperti biasa dalam operasi perniagaan. (Sumber: Halaman 87, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Bagaimanakah Lembaga Pengarah merancang untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan ini?</p>

	<p>b) Apakah yang menjadi keutamaan dan strategi pihak pengurusan bagi meningkatkan aliran tunai operasi serta modal kerja bagi tahun kewangan 2025 dan seterusnya?</p>
<p>Hubline Berhad (AGM)</p>	<p>Hubline menyaksikan pendapatan dan keuntungan bersihnya menyusut, masing-masing kepada RM208.58 juta dan RM3.585 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM234.05 juta dan RM6.07 juta).</p> <p>a) Pendapatan perkapalan merosot sebanyak RM5.66 juta kepada RM136.3 juta daripada RM141.96 juta pada tahun sebelum ini, disebabkan oleh kadar tambang yang lebih rendah sepanjang tahun kewangan 2024. Bagaimanapun, syarikat menjangkakan pemulihan kadar tambang pada tahun kewangan 2025. (Halaman 6, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Berapakah purata penurunan kadar tambang dalam tahun kewangan 2024 berbanding tahun kewangan 2023? Bagaimanakah prestasi kadar tambang setakat lima bulan pertama tahun kewangan 2025?</p> <p>b) Hubline sepatutnya mencatatkan kerugian pada tahun kewangan 2024 jika tidak mengambil kira pendapatan lain (RM18.13 juta) dan aset cukai tertunda.</p> <p>Bagaimanakah prestasi kewangan Syarikat jika tidak mengambil kira keuntungan tidak berulang dalam tahun kewangan 2025? Sejauh manakah pemulihan kadar tambang dapat membantu meningkatkan prestasi kewangan Hubline? Apakah pemacu lain yang dapat mendorong peningkatan prestasi Syarikat dalam tahun kewangan 2025?</p> <p>c) Bahagian Perkapalan mencatatkan kadar penggunaan armada hampir penuh sepanjang tahun, dengan muatan pergi dan balik yang kukuh. (Halaman 7, Laporan Tahunan 2024). Adakah syarikat menjangkakan kadar penggunaan penuh ini akan berterusan pada tahun kewangan 2025? Adakah sekarang masa yang sesuai untuk Syarikat meluaskan saiz armadanya?</p>
<p>Permaju Industries Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan kumpulan menyusut daripada RM47.8 juta dalam tahun kewangan berakhir 2023 kepada RM47.3 juta dalam tempoh kewangan berakhir 2024. Pendapatan utama bahagian automotif diperoleh daripada pengedaran Ford. Sebanyak 220 unit Ford Ranger terjual sepanjang tempoh ini, meningkat daripada 214 unit pada tahun kewangan 2023. Bagaimanapun, jualan dipengaruhi oleh kenaikan harga diesel serta perbelanjaan pengguna yang lebih rendah akibat isu global.</p> <p>Penurunan dalam pendapatan bahagian automotif berpunca daripada penurunan jualan kereta mewah. Namun, segmen penyewaan kenderaan elektrik (EV) menunjukkan pertumbuhan</p>

	<p>yang ketara, menyumbang RM4.73 juta atau 10% daripada jumlah pendapatan, meningkat 352% berbanding RM3.69 juta pada tahun kewangan 2023. (Sumber: Halaman 9, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Walaupun jualan Ford Ranger meningkat (220 unit dalam tempoh kewangan berakhir 2024 berbanding 214 unit dalam tahun kewangan berakhir 2023), pendapatan Kumpulan masih menurun.</p> <p>a) Apakah faktor yang menyumbang kepada penurunan keuntungan secara keseluruhan, walaupun terdapat peningkatan dalam jualan Ford Ranger?</p> <p>b) Penyewaan EV menyumbang RM4.73 juta atau 10% daripada jumlah pendapatan. Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mengembangkan segmen ini dan apakah potensi pertumbuhannya dalam jangka panjang?</p>
Kanger International Berhad (AGM)	<p>Dalam tahun kewangan berakhir 2024, Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM15.8 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan tidak berulang berjumlah RM15.5 juta. Perbelanjaan ini termasuklah hartanah pelaburan yang dihapus kira berjumlah RM4.8 juta dan kerugian rosot nilai ke atas pelaburan lain sebanyak RM5 juta. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berhubung hartanah pelaburan dalam pembinaan (Halaman 144, Laporan Tahunan 2024) yang dihapus kira dalam tahun kewangan 2024, apakah jenis hartanah ini dan apakah prospek untuk membalikkan jumlah RM4.8 juta yang telah dihapus kira?</p> <p>b) Adakah Kanger menjangkakan lebih banyak hartanah pelaburan akan dihapus kira dalam tahun kewangan 2025? Jika ya, berapakah anggaran jumlahnya?</p> <p>c) Apakah faktor yang menyebabkan kerugian rosot nilai ke atas pelaburan lain, iaitu pelupusan pegangan ekuiti 5% dalam Ebric (Malaysia) Sdn Bhd dengan harga jualan yang disemak semula sebanyak RM1.00 (harga asal secara tunai berjumlah RM5.0 juta) (Halaman 130 dan 135, Laporan Tahunan 2024). Apakah tahap usaha wajar yang dilaksanakan sebelum membuat pelaburan ini? Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan supaya lebih berwaspada terhadap pelaburan dalam saham tidak disebut harga pada masa hadapan?</p>
GIIB Holdings Berhad (AGM)	<p>Syarikat berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi Resolusi Biasa 2, 5, 6 dan 7, iaitu persetujuan untuk cadangan pemberian opsyen di bawah Skim Pemberian Saham (<i>share issuance scheme</i>, SIS) kepada Dato' Sri Hj Wan Adnan Bin Wan Mamat, En. H'ng Boon Keng, Datuk Firmansyah Aang Bin</p>

	<p>Muhamad dan Puan Jung Hee Won, yang merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (<i>independent, non-executive directors, INED</i>) Syarikat.</p> <p>MSWG tidak menggalakkan penglibatan pengarah bebas dalam sebarang bentuk opsyen saham kerana peranan mereka yang bukan eksekutif serta tanggungjawab mereka untuk memantau peruntukan opsyen saham kepada pengarah eksekutif dan pekerja syarikat.</p> <p>Pemberian opsyen Skim Pemberian Saham kepada pengarah bebas menimbulkan kebimbangan terhadap kemungkinan berlakunya konflik kepentingan, pengurangan tahap kebebasan serta menjejaskan objektiviti. Risiko ini timbul apabila pengarah bebas mungkin terpengaruh oleh kepentingan kewangan peribadi yang dikaitkan dengan prestasi harga saham, sekali gus menjejaskan objektiviti mereka dalam menjalankan tugas pemantauan serta proses membuat keputusan.</p> <p>Memandangkan pengarah bebas tidak mempunyai tanggungjawab eksekutif dan telah menerima imbuhan yang sewajarnya melalui ganjaran pengarah serta manfaat lain, apakah justifikasi untuk memberikan opsyen SIS kepada mereka?</p>
<p>Aumas Resources Berhad (AGM)</p>	<p>1. Pada 22 Oktober 2024, sebuah anak syarikat milik penuh AuMAS, Wullersdorf Resources Sdn Bhd (WRSB), telah menandatangani Perjanjian Eksklusif untuk Mencari Gali dan Kontrak Kerja dengan Aurelius Borneo Mining Sdn Bhd (Aurelius) bagi melantik WRSB sebagai kontraktor untuk kerja-kerja mencari gali, penerokaan dan perlombongan emas di Gunung Andrassy, Tawau, Sabah, yang meliputi kawasan seluas kira-kira 18,000 hektar.</p> <p>a) Adakah Kumpulan telah memulakan kerja penerokaan di Gunung Andrassy? Berapakah tempoh yang diperlukan untuk meneroka keseluruhan kawasan ini? Apakah peranan Aurelius dalam kerjasama ini? Adakah Aurelius akan membiayai kos penerokaan? Sila maklumkan pemegang saham perkembangan terkini yang berkaitan kemajuan projek serta anggaran kos penerokaan.</p> <p>b) WRSB memegang pajakan untuk tempoh 33 tahun bagi kawasan konsesi seluas 317.7 hektar milik Southsea Gold Sdn Bhd daripada jumlah keseluruhan 948 hektar. Sumber emas yang pernah didedahkan sebelum ini adalah berdasarkan penerokaan di kawasan subpajakan seluas 28 hektar.</p> <p>Adakah Kumpulan telah meneroka sepenuhnya kawasan pajakan seluas 317.7 hektar ini? Jika ya, berapakah anggaran sumber emas yang dikenal pasti?</p>



	<p>2. Merujuk pada Nota 31 – Litigasi Material, pada ketika ini terdapat permohonan tertangguh oleh WRSB untuk meminda Pernyataan Tuntutan bagi menuntut nilai 41 jongkong emas yang hilang dengan anggaran nilai RM67.09 juta, dalam tempoh Datuk Lo Fui Ming memegang jawatan sebagai pengarah AuMAS dan WRSB (Halaman 105, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Perkara ini tidak pernah dimaklumkan kepada pemegang saham sebelum ini dan tidak dinyatakan dalam Laporan Tahunan AuMAS 2023. Bilakah dan bagaimanakah AuMAS mengetahui tentang kehilangan jongkong emas tersebut?</p> <p>b) Pembicaraan bagi permohonan pindaan ini telah ditetapkan pada 5 Februari 2025. Apakah keputusan daripada pembicaraan tersebut?</p>
<p>XOX Berhad (AGM)</p>	<p><i>“MySISWA ialah pelan mudah alih yang ideal untuk pelajar dengan bajet yang terhad, menawarkan tiga pilihan menarik: Pascabayar, Prabayar dan Pelan Keluarga.”</i> (Halaman 24, Laporan Tahunan 2024)</p> <p><i>“ONEfamily ialah pelan mudah alih mesra keluarga yang direka khusus bagi memberikan nilai hebat dan kemudahan kepada isi rumah. Talian utama berharga RM39 sahaja, manakala talian tambahan boleh didapati pada harga RM10 setiap satu.”</i> (Halaman 24, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Bagaimanakah penerimaan pasaran terhadap pelan MySISWA dan ONEFamily yang dilancarkan pada tahun 2024? Berapakah peratus jumlah pendapatan yang disumbangkan oleh pelan ini?</p>
<p>UMS Holdings Berhad (AGM)</p>	<p><i>“Sepanjang tahun ini, tiada dasar lindung nilai rasmi diperuntukkan bagi risiko pendedahan pertukaran asing. Kumpulan sentiasa memantau risiko ini secara berterusan dan berusaha memastikan pendedahan bersih berada pada tahap yang wajar.”</i></p> <p>a) Apakah yang dianggap sebagai tahap pendedahan yang wajar?</p> <p>b) Tanpa dasar lindung nilai yang rasmi, bagaimanakah Syarikat memastikan pergerakan mata wang asing yang mendadak tidak menjejaskan margin keuntungannya?</p> <p>c) Sekiranya berlaku pergerakan mata wang yang tidak menguntungkan, seberapa pantas Syarikat dapat melaraskan harga jualannya? Berapa lamakah tempoh yang diperlukan sebelum pelarasan harga ini berkuat kuasa?</p>

**[TAMAT]**

**PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

**PENOLAKAN TUNTUTAN**

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.